

06/10/1998

Dakwaan pukul masih disiasat

BATU PAHAT, Isnin - Polis masih menyiasat dakwaan Datuk Seri Anwar Ibrahim, kononnya beliau dipukul dan dikasari ketika ditahan di lokap Bukit Aman.

Hasil siasatan itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Dalam Negeri dan Ketua Polis Negara (KPN), sebaik siasatan selesai.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Tajol Rosli Mohd Ghazali, berkata terpulang kepada Perdana Menteri dan KPN sama ada mahu mengumumkan hasil siasatan itu.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Kempen Mengisi Tabung Dana Negara, di sini petang ini, beliau berkata kecekapan polis dalam menjalankan tugas tidak seharusnya dipertikaikan, apatah lagi membabitkan Anwar.

"Kita serahkan kepada polis dan jangan ganggu kelancaran polis membuat siasatan," katanya.

(END)